

## · Ucapan ILC: PM tidak kisah sebarang reaksi

GENEVA 12 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata: beliau tidak kisah terhadap sebarang reaksi berhubung ucapannya yang dilihat keras dan berterus terang pada Persidangan Buruh Antarabangsa (TLC) di sini, semalam.

Katanya, walaupun beliau menerima banyak ucapan tahniah daripada perwakilan selepas menyampaikan ucapan itu, ada pihak terutama sektor swasta dan kalangan institusi negara maju yang mungkin tidak senang.

Menurut Dr. Mahathir, beliau hanya menyampaikan mesej yang jelas dan tidak berse-  
lindung tentang globalisasi yang mula dimanipulasi oleh pihak dan negara yang kaya dan berpengaruh.

“Biarlah apa reaksi sekalipun, saya tidak kisah kerana saya ada tugas untuk dilakukan,” katanya kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Luxembourg, malam tadi.

Dr. Mahathir buat pertama kalinya semalam menyampaikan ucapan pada ILC di hadapan perwakilan daripada 175 buah negara.

Dalam ucapannya, antara lain Perdana Menteri menggesa dunia supaya mewujudkan perancangan dan peraturan bagi globalisasi supaya tidak dimanipulasi oleh negara kaya.

Presiden ILC, **Jean-Jacques Elmiger** yang menyifatkan ucapan itu memberi signifikan besar kepada perwakilan berkata, penekanan kepada dimensi sosial membuka lagi ruang perspektif kepada masyarakat dunia untuk menangani globalisasi dengan lebih berkesan.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), **Senator Zainal Bampak** menyifatkan ucapan Dr. Mahathir itu sebagai berani dan membawa dimensi baru kepada kepentingan para pekerja keseluruhannya dalam menangani isu sejagat khususnya globalisasi.

Presiden Kesatuan Pekeja-Pekeja Telekom Malaysia (NUTE) **Shafie BP Mammal** berkata, kalangan pemimpin kesatuan seluruh dunia melahirkan penghargaan kepada Dr. Mahathir kerana memberi hala tuju kepada keseimbangan antara negara, majikan dan pekerja atas prinsip keadilan.

Zainal dan Shafie adalah antara beberapa pemimpin kesatuan di Malaysia yang turut hadir pada ILC itu. – Utusan